


NewspaperSG

Raih emas dan perak di Vietnam

Berita Harian, 22 August 2013, Page 14

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Raih emas dan perak di Vietnam

Matlamat tidak kesampaian,
tetapi Persisi tetap puas

SILAT

► **YUSOFF A. RAHMAN** yusoff@sph.com.sg

DUA pingat tetapi berbeza warna.

Shakir Juanda memenangi pingat emas sementara Muhammad Iqbal Abdul Rahman, pingat perak.

Itu bererti matlamat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mahu melihat kedua-dua pesilatnya menggondol dua pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Ho Chi Minh yang berakhir baru-baru ini tidak tercapai.

Shakir memenangi Kelas I (85 kilo) setelah mengalahkan tiga pesilat, termasuk dua dari Vietnam, sebelum merebut pingat emas.

Dalam peringkat suku akhir, Shakir, juara dunia dalam Kejohanan Sedunia di Thailand tahun lalu, mengalahkan Ong Gia Phong dari Kelab Ho Chi Minh 3-0.

Beliau kemudian menumpaskan pesilat Terengganu, Muhd Nazreen Asyraf, dengan kiraan *teknikal knock-out*, sebelum menewaskan pesilat Trinh Dinh Dung dari Da Nang 2 dengan keputusan 3-2.

Sebanyak enam pesilat bertarung dalam kelas tersebut, termasuk pasukan Quan Doi 1.

Iqbal pula hanya dapat memungut 453 mata dalam acara seni tunggal lelaki.

Pemenang pingat emas ialah Nguyen Minh Cuong dari kelab Ho Chi Minh dengan 461 mata sementara Mohamed Taqiyuddin Hamid dari Malaysia memungut pingat gangsa dengan 448 mata.

Acara itu disertai lima peserta, termasuk tiga dari kelab Vietnam.

Kejohanan yang berlangsung di Pusat Latihan Sukan Phu Tho itu disertai 16 pasukan, termasuk tiga dari luar negara, iaitu Singapura dan Malaysia (termasuk Terengganu).

Kelab Ho Chi Minh muncul sebagai johan dengan tujuh emas, empat perak dan dua gangsa sementara Malaysia menang enam pingat emas, satu perak dan empat gangsa manakala Da Nang 1 memperolehi satu emas dan dua perak.

Mengulas pencapaian dua pesilat negara itu, ketua pegawai eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob, berkata walaupun matlamat yang digariskan tidak tercapai, pencapaian tersebut tetap memuaskan.

“Saya harus melihat pita rakaman perlawanan ini untuk melihat sejauh mana tahap persembahan setiap pesilat ini. Tetapi, dalam pada itu, kami juga akur kejohanan ini mungkin tidak melibatkan banyak peserta luar negara.

“Bagaimanapun, seperti yang diketahui umum, pesilat Vietnam handal-handal belaka.

“Bahkan, para pesilat negara seharusnya menyertai kejohanan seperti ini kerana tahap persaingannya adalah tinggi,” Sheik memberitahu.

Persisi hanya menghantar dua pesilat kerana mereka sedia mengadakan latihan tambahan dalam usaha meningkatkan tahap kebolehan masing-masing.

Dalam perkembangan lain, Sheik berkata Persisi akan menghantar skuad penuh nasional untuk menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri di Dataran Pahlawan, Melaka, Malaysia, dari 14 hingga 20 September ini.



SAMA-SAMA HANDAL: Shaker Juanda (*kiri*), yang memenangi emas, dan Muhammad Iqbal Abdul Rahman, yang mendapat perak, terpaksa berdepan pesilat-pesilat Vietnam yang handal-handal belaka dalam Kejohanan Pencak Silat Ho Chi Minh yang berakhir baru-baru ini. – Foto PERSISI

– Foto PERSISI